

## **JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL DI MALAYSIA**

*(Social Security Network in Malaysia)*

Noor Halim Bin Nordin & Zaid Ahmad

### **ABSTRAK**

Perkembangan pesat arus globalisasi sekitar tahun 1990-an telah mengurangkan peranan negara dalam pembangunan di negara-negara yang sedang membangun. Dalam hal ini, pelaksanaan jaringan keselamatan sosial di Malaysia memerlukan sebuah dasar sosial yang bersifat jangka panjang. Dasar sosial tersebut berperanan memberikan bantuan kepada kelompok yang kurang mendapat manfaat daripada program pembangunan ekonomi dan sosiopolitik agar selari dengan pengamalan dalam sistem kapitalisme kebajikan. Kajian ini mengkaji peranan negara dalam melaksanakan jaringan keselamatan sosial melalui program jangka panjang dalam pembangunan sosial di Malaysia. Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang bersifat teoretikal dan empirikal termasuklah kaedah temu bual dengan sumber autoritatif dan juga kajian di perpustakaan untuk mendapatkan maklumat mengenai teori-teori ekonomi dan politik di Malaysia. Malaysia memiliki potensi untuk menjadi sebuah negara kebajikan walaupun terdapat beberapa masalah untuk menguruskannya. Malaysia mengambil kira kepentingan peranan pasaran atau sektor swasta khususnya dalam usaha untuk mengurangkan beban negara dalam menyediakan dan menguruskan bantuan kebajikan sosial kepada rakyat. Oleh itu, kerjasama negara dengan pasaran iaitu sektor swasta dilihat memberi kesan khususnya kepada perkembangan pelaksanaan jaringan keselamatan sosial di Malaysia—merujuk kepada konteks pembangunan kapasiti yang menyumbang kepada tenaga kerja di sektor awam dan swasta pada masa hadapan.

**Kata Kunci:** Jaringan keselamatan sosial, dasar sosial, sistem kapitalisme, negara kebajikan, sektor swasta

### **ABSTRACT**

The rapid development of globalization in the 1990s has reduced the role of the country in development within the developing countries. Consequently, the implementation of the social security network in Malaysia requires a long-term social policy. The social policy serves to provide initiative to the less beneficiaries of the economic and socio-political development program. It is parallel to the practice of the welfare within capitalism system. This research examined the country's role in implementing the social security network through a long-term program in the social development in Malaysia. This study uses a qualitative approach that is theoretical and empirical in nature. It includes interview with authoritative sources and research in libraries to obtain information about political and economic theories in Malaysia. Malaysia has the potential to be a welfare state despite some difficulties in managing it. Malaysia takes into account the importance of the role of market or the private sector, particularly in order to reduce the country's burden in providing and managing social welfare assistance to the people. Hence, the cooperation with the private sector has an impact on the development of the social

safety's net development in Malaysia—referring to the context of capacity building that contributes to the continued sustainability of the workforce for the public and private sectors in the future.

**Keywords:** Social security network, social policy, capitalism system, welfare state, private sector

## **PENGENALAN**

Kebajikan merupakan elemen penting dalam perbincangan ekonomi kebajikan dan pembangunan. Wacana ini semakin berkembang dan mempunyai perhubungan yang kuat dengan aspek keselamatan sosial, maka wacana berkaitan pelaksanaan sistem jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) turut diangkat. Jaringan keselamatan sosial dilihat sebagai elemen utama dalam negara kebajikan. Kemunculan idea ekonomi kebajikan sekitar tahun 1970-an memperkukuhkan lagi hal ini yang turut menjadi perbincangan penting dalam konteks kapitalisme. Malaysia tidak ketinggalan dalam menekankan perihwal kebajikan melalui pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan seperti Dasar Ekonomi Baru 1971-1990 (DEB). Laporan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) dalam Rancangan Malaysia ke-10 pula menunjukkan dasar ekonomi yang berteraskan falsafah pertumbuhan dan pengagihan telah mempamerkan prestasi ekonomi yang cemerlang selama empat dekad sejak pelaksanaan DEB. Ini mengurangkan kadar kemiskinan, penyertaan ekonomi yang lebih seimbang, serta perluasan liputan perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan di seluruh negara.

Kewujudan jaringan keselamatan sosial dalam konteks negara berkeadilan di Asia Tenggara khususnya Malaysia berbeza dengan apa yang diamalkan di negara-negara maju di Barat. Kebanyakan wacana di Barat adalah berkenaan soal program keselamatan, perlindungan, dan jaringan keselamatan sosial yang lebih tertumpu kepada pelaksanaan dasar sosial. Ia merangkumi hak rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan tetap atau menganggur untuk terus hidup dengan pemberian bantuan secara tetap oleh kerajaan yang memerintah. Perkara ini berkaitan dengan negara yang perlu menampung keperluan asas rakyat sepanjang kehidupan mereka. Namun begitu, di Malaysia, program keselamatan, perlindungan, dan jaringan keselamatan sosial lebih bersifat “bantuan dalam jangka pendek” kerana rangka dasar berkaitannya bersifat pelan perancangan kecemasan.

Oleh itu, pelaksanaan jaringan keselamatan sosial di Malaysia memerlukan dasar sosial jangka panjang yang berperanan memberikan bantuan kepada kelompok yang kurang mendapat manfaat daripada program pembangunan ekonomi dan sosiopolitik agar selari dengan pengamalan dalam sistem kapitalisme kebajikan yang turut mengambil kira kepentingan peranan negara. Hal ini tidak ditonjolkan dalam melaksanakan dasar sosial di Malaysia. Malaysia bukanlah negara yang ingin dikenali sebagai negara kebajikan yang menanggung kehidupan rakyatnya seumur hidup, tetapi bantuan yang diberikan bertujuan untuk menyediakan latihan dan kemahiran sebagai persediaan bagi golongan berpendapatan rendah hidup berdikari dalam jangka masa yang ditetapkan.

Beberapa bentuk bantuan jaringan keselamatan sosial dilihat sebagai mekanisme penting untuk memperlihatkan kepentingan negara dan sektor swasta bagi memenuhi prinsip tanggungjawab korporat sosial. Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dilihat sebagai medium yang wujud dalam melihat kelangsungan pelan bantuan sosial kepada rakyat Malaysia dalam memberikan bantuan dan menyokong rakyat

yang berpendapatan rendah untuk berdikari berikutan tingkat persaingan ekonomi yang semakin meningkat.

Andaian utama kajian ini ialah peranan negara yang relevan dalam membentuk dan menguruskan jaringan keselamatan sosial. Ini selari dengan peranan sektor swasta (pasaran) dalam menyediakan bantuan sosial kepada kelompok masyarakat yang tidak menerima faedah sosioekonomi khususnya di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Model Ekonomi Baru (MEB). Objektif umum kajian adalah untuk mengkaji peranan negara dalam melaksanakan jaringan keselamatan sosial melalui program jangka panjang dalam pembangunan sosial di Malaysia.

### **Jaringan Keselamatan Sosial di Peringkat Global**

Wacana berkenaan sistem jaringan keselamatan sosial mula mendapat tempat dalam wacana ekonomi kebajikan dan pembangunan sekitar pertengahan tahun 1995. Sebuah persidangan tentang pembangunan sosial, *The World Summit for Social Development* telah diadakan di Copenhagen pada Mac 1995 yang memfokuskan kepada masalah sosial kontemporari dan menganalisis dimensi, punca, dan arah tuju berkaitan trend sosial yang mendominasi perkembangan pembangunan masyarakat di seluruh dunia pada ketika itu. Dalam hal ini, sistem jaringan keselamatan sosial mula diperkatakan dan menjadi perkara penting dalam pembangunan ekonomi kebajikan.

Vivian (1994) dalam *Social Safety Nets and Adjustment in Developing Countries* dan Mitra (2005) dalam *Disability and Social Safety Nets in Developing Countries* mempunyai fokus dan skop perbincangan yang sama berkenaan dengan kedudukan sistem jaringan keselamatan sosial dalam konteks negara membangun. Namun begitu, kedua-dua mereka menulis tentang dua tema yang berbeza. Vivian memfokuskan kepada penyelarasan struktur dalam membentuk kos sosial yang memberikan kesan yang signifikan kepada sektor yang kurang dominan. Beliau menghuraikan pendekatan penyelarasan dalam pelaksanaan polisi yang merupakan pendekatan paling efisien dalam menyelesaikan masalah berkaitan pembangunan ekonomi rakyat. Peningkatan kos sosial dalam penyelarasan yang lebih cenderung dikenali sebagai pakej penyelarasan sosial atau secara umumnya dikenali sebagai jaringan keselamatan sosial mampu mengubah struktur ekonomi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Kajian tentang jaringan keselamatan sosial tidak hanya tertumpu pada konteks Barat sahaja, malahan juga melibatkan jaringan keselamatan sosial di Asia Tenggara dan Asia Timur. Kajian Lippit (2005), Tambunan (2005), Sotharith (2005), dan Xin (2005) merupakan kajian tentang jaringan keselamatan sosial yang merujuk kepada skop dan konteks di negara-negara Asia Tenggara dan Asia.

### **Jaringan Keselamatan Sosial di Malaysia**

Kajian tentang keselamatan, perlindungan sosial, dan jaringan keselamatan sosial dalam konteks Malaysia kebanyakannya mengutarakan isu-isu kemiskinan, pendapatan per-kapita, kesihatan, pembangunan ekonomi, dan kebajikan. Isu-isu ini banyak menggarap perbincangan elemen negara kebajikan yang semakin berkembang di Malaysia. Beberapa kajian lepas mempunyai perkaitan dengan tema kedua ini dan memenuhi senarai kajian lepas bagi tesis ini bagi menjelaskan kelompangan yang wujud dalam kajian-kajian sebelumnya.

Buku "*Income Inequality and Poverty in Malaysia*" hasil karya Shireen Mardziah Hashim (1998) merupakan antara karya yang mempunyai autoriti dalam isu kebajikan dan

ketidaksetaraan dalam ragam pendapatan isi rumah di Malaysia. Ia memfokuskan kepada hubungan yang wujud antara ketidaksamaan dengan pembangunan ekonomi. Kajian ini juga menunjukkan trend atau bentuk pengagihan pendapatan yang kemudiannya dianalisis dengan merujuk kepada ketidaksamaan dalam masyarakat bandar-pedalaman dan inter-etnik di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak.

Kajian ini menilai ketidaksamaan yang berlaku. Ini dimulakan dengan penjelasan tentang pengiraan terhadap garis kemiskinan di Malaysia, manakala skop kajian ialah ketika Dasar Ekonomi Baru 1971-1990 (DEB) dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak. Dapatan kajian ini mendapati wujudnya masalah khususnya dalam mengukur garis kemiskinan di Malaysia dan pada bab yang terakhir penulis telah melakukan penjelasan berkenaan beberapa perubahan dalam pengagihan pendapatan dan kemiskinan melalui pelaksanaan DEB oleh kerajaan Malaysia.

Manakala, Ragayah Haji Mat Zin, Hwok Aun Lee dan Saaidah Abdul-Rahman (2002) melalui makalah mereka *Social Protection in Malaysia* membincangkan tentang pelaksanaan program perlindungan sosial di Malaysia. Pelaksanaan perlindungan sosial di Malaysia diperjelaskan dengan merujuk kepada latar belakang perolehan pendapatan negara dan juga pendapatan per-kapita rakyat Malaysia. Fokus utama diberikan kepada program pembangunan intensif dalam pembangunan ekonomi di Malaysia, khususnya merujuk kepada landskap ekonomi negara pasca krisis kewangan Asia 1997-1998. Oleh yang demikian, beberapa bentuk skim perlindungan sosial yang wujud di Malaysia dibahaskan namun ia hanya tertumpu dalam aspek kebajikan pekerja di Malaysia. Sity Daud dan Zarina Othman (2005) dalam *Keselamatan Insan dan Jaringan Keselamatan Sosial* pula memfokuskan kajian kepada korelasi yang wujud antara konsep keselamatan insan dengan jaringan keselamatan sosial. Hujah yang dikemukakan merujuk kepada keselamatan insan sebagai asas kepada keselamatan dan kesejahteraan sesebuah negara. Ini menyumbang kepada kestabilan politik serantau.

Fokus utama kajian ini adalah berkenaan perlindungan sosial khusus merujuk kepada kakitangan awam dan swasta mengikut klasifikasi pemerolehan pendapatan. Melalui pelaksanaan jaringan keselamatan sosial iaitu program perlindungan sosial ia memberikan perlindungan yang lebih komprehensif khususnya dalam mendepani krisis merujuk kepada pasca krisis kewangan global 2008/2009. Dapatan kajian beliau mengemukakan bahawa jaringan keselamatan sosial memerlukan pemerkasaan melalui kekuatan tabungan kekeluargaan dan peribadi. Ini merupakan kesan pelaksanaan program keselamatan dan perlindungan sosial jangka pendek.

Muhammad Syukri Salleh (2014) dalam *Organizational and Defitional Reconfiguration of Zakat Management* pula menumpukan kepada pelaksanaan zakat sebagai sebuah bentuk jaringan keselamatan sosial. Ia memfokuskan kepada bagaimana pengurusan zakat dijadikan sebagai suatu program perlindungan dan keselamatan sosial yang berkaitan dengan pelaksanaan jaringan keselamatan sosial dalam konteks pengagihan bantuan zakat di Malaysia. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti halangan atau batasan dalam pengurusan zakat dan mengusahakan penyelesaian batasan yang wujud supaya pengurusan zakat lebih lancar. Isu profesionalisme bertentangan dengan tradisionalisme, dan isu sentralisasi dengan desentralisasi juga turut dibahaskan. Penumpuan diberikan kepada dua isu ini kerana kedua-duanya mempunyai pengaruh dalam menyumbang kepada keterbatasan pelaksanaan agihan dan pengurusan zakat. Oleh yang demikian, beliau mengemukakan pandangan akhir berkenaan keperluan untuk berkonfigurasi semula definisi pelaksanaan zakat dengan jalur Islam dan bukannya terikat dengan definisi konsep etnosentrik Barat dalam usaha memastikan objektif agihan zakat sebagai program perlindungan sosial tercapai.

Mohammed Abdul Khalid (2014) dalam *The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia* pula menekankan kepada soal perbincangan tentang ketidaksetaraan yang wujud dalam struktur kelas masyarakat Malaysia. Perbincangan pula merujuk kepada skop negara Malaysia sejak era kolonial kepada pasca kolonial dan sehingga kepada senario kontemporari masa kini. Perihal *trickle down-effect* yang dianjurkan oleh kebanyakan ahli ekonomi tidaklah hanya meliputi kepada semua pihak bahkan pada realitinya ia cuma memberikan impak hanya kepada sesetengah bentuk kelompok masyarakat sahaja. Perbincangan kajian beliau ini mengemukakan andaian berdasarkan kepada statistik jurang pendapatan dari tahun 1957. Beliau menyifatkan bahawa jurang pendapatan masih lagi di takuk yang sama sehingga ke hari ini walaupun jumlah pendapatan telah bertambah seiring dengan pertumbuhan ekonomi semasa bahkan ia memunculkan sebuah fenomena selari dengan kewujudan jurang pendapatan iaitu kewujudan jurang kekayaan dan pemilikan. Soal ketidaksetaraan pula pada asasnya mendominasi permasalahan ekonomi, politik dan sosial yang berlaku di Malaysia, namun, penulis beranggapan bahawa ia sengaja tidak diangkat dan dibincangkan kerana blok kaum di Malaysia masih lagi kuat melitupi perbincangan berkenaan ketidaksetaraan dalam kelas masyarakat di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini cenderung membahaskan perihal ketidaksetaraan dalam pengagihan khususnya dalam aspek pemilikan aset dalam kalangan rakyat Malaysia yang memfokuskan kepada jurang pendapatan antara majoriti Bumiputera dengan minoriti bukan Bumiputera.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas di atas, kelompangan kajian-kajian lepas di atas adalah kesemuanya memfokuskan kepada aspek pelaksanaan program keselamatan, perlindungan dan jaringan keselamatan sosial yang hanya wujud dalam bentuk pelan jangka pendek bagi berhadapan dengan situasi yang mampu mengancam struktur ekonomi, politik dan masyarakat di sesebuah negara. Oleh yang demikian, kebanyakan kajian berkaitan berkenaan jaringan keselamatan sosial hanya melihat mekanisme ini sebagai bantuan sementara yang memberikan bantuan kepada kelompok masyarakat yang menerima kesan daripada fenomena sosial yang mengancam kelangsungan hidup mereka. Bantuan yang diberikan berbentuk latihan dan kemahiran bagi kelompok yang kurang menerima manfaat pembangunan ekonomi untuk berdikari.

Atas alasan tersebut, kajian-kajian lepas ini memiliki kelompangan. Kesemuanya tidak membincangkan perihal keperluan pelaksanaan mekanisme jaringan keselamatan sosial sebagai program jaminan sosial jangka panjang (penyelarasan struktur) serta ia juga tidak membincangkan bentuk hubungan kerjasama antara negara dengan sektor swasta bagi memastikan pelaksanaan jaringan keselamatan sosial yang efektif. Oleh yang demikian, tesis ini mengkaji peranan Malaysia sebagai sebuah negara pembangunan yang mengamalkan elemen negara kebajikan. Ia menggubal polisi sosial dan menguruskan pelaksanaan jaringan keselamatan sosial dalam konteks pelan kebajikan sosial jangka panjang dengan merujuk kepada program transformasi Model Ekonomi Baru (MEB) melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia. Jika ada sekalipun kajian lepas yang mengutarakan tentang peranan negara dalam pembangunan, ia masih tidak memfokuskan kepada subjek utama iaitu bentuk korelasi jaringan keselamatan sosial dan korelasinya dengan perkembangan kapitalisme kebajikan di negara sedang membangun khususnya Malaysia.

## **Perlindungan Sosial**

Konsep perlindungan sosial (*social protection*) dalam konteks negara kebajikan merupakan konsep yang mendasari kepada pelaksanaan dan penggubalan polisi sosial yang bertujuan untuk memastikan tahap kebajikan rakyat terjamin. Program perlindungan sosial sering kali

memerlukan perbelanjaan yang tinggi dalam usaha untuk melaksanakannya bagi jaminan sosial yang tinggi (Esping-Andersen, 1990:115). Perkara ini kebiasaannya ditonjolkan dengan jelas oleh negara kebajikan di Barat bagi mengukur tahap *welfare statism* (kawalan ekonomi dalam aspek kebajikan). Perlindungan sosial secara umumnya didefinisikan sebagai program atau produk yang terhasil dalam usaha untuk menyediakan masyarakat bantuan dan keperluan yang meliputi aspek individu dan masyarakat dalam berhadapan dengan tekanan ekonomi (Dixon, 1999).

Di bawah program perlindungan sosial, terdapat empat domain utama yang wujud, yang pertama berkaitan dengan penghindaran kemiskinan, pembasmian kemiskinan, pampasan sosial dan pengagihan semula pendapatan. Keempat-empat domain ini diterjemahkan dalam pelaksanaan program perlindungan sosial secara amnya kepada beberapa bentuk strategi iaitu insurans sosial, bantuan sosial, elaun sosial, simpanan awam, liabiliti majikan, pencen atau simpanan pekerjaan dan pencen atau simpanan peribadi. Dalam konteks pengamalan keselamatan sosial dari aspek kebajikan pekerja, pihak majikan berperanan utama dalam menyediakan jaminan sosial kepada pekerja (Dixon, 1999:47-48). Ini merupakan aspek keselamatan sosial yang wujud dalam pengamalan di negara-negara di seluruh dunia.

Jika di Malaysia, pelaksanaan perlindungan sosial diklasifikasikan kepada dua kategori utama iaitu pertama adalah keselamatan sosial dan kedua insurans sosial. Program keselamatan sosial merupakan program yang mengawal selia program persaraan bagi dua kumpulan pekerja yang besar iaitu kakitangan awam dan kakitangan swasta. Manakala program insurans sosial pula menyediakan program perlindungan pampasan pekerjaan di bawah skim Liabiliti Majikan, skim Pampasan Pekerja, dan Organisasi Keselamatan Sosial (SOCSO).

Kajian ini bersandarkan kepada kaedah teoretikal dan empirikal sebagai kaedah utama penyelidikan. Kaedah yang digunakan memerlukan pemahaman yang mendalam dan teliti serta memerlukan daya kefahaman yang tinggi terhadap teori yang mahu dikaji dan memperdalamkan lagi pembacaan mengenai teori yang telah diaplikasikan disebabkan oleh wujudnya evolusi pentakrifan khususnya berkenaan negara kebajikan, kapitalisme kebajikan dan jaringan keselamatan sosial yang acap kali dijadikan sebagai retorik oleh pemimpin negara baik daripada parti politik pemerintah ataupun daripada pihak pembangkang. Maka dengan itu, kesalingbergantungan antara teori ekonomi politik seharusnya dikaji dan diberikan perhatian secara serius bagi faedah generasi datang.

Oleh yang demikian terdapat beberapa faktor yang menyatakan bahawa kajian ini adalah signifikan untuk dijalankan. Pertama, kajian berkenaan negara kebajikan khususnya merujuk konteks Malaysia masih berkurangan. Namun untuk mengatakan bahawa kajian berkenaan tiada sepenuhnya adalah mustahil kerana kebanyakan kajian-kajian walaupun tidak secara jelas memerihalkan berkenaan negara kebajikan, ia juga membincangkan beberapa elemen penting yang berkait rapat dengan konsep negara kebajikan.

Kedua, kajian ini amat penting memandangkan dunia kini menuju ke arah sistem kapitalisme matang yang mencabar pemikiran manusia dengan kelahiran teori-teori yang masih baru dengan medium perantaraan yang kukuh. Ini menyebabkan kajian ini penting dalam melihat fenomena yang berlaku sama ada di peringkat global dan tempatan. Melalui tekanan ini, wujud masalah dalam urusan pengagihan dan kebajikan dalam masyarakat. Kajian ini signifikan dalam menyelesaikan beberapa persoalan penting dalam pengamalan kapitalisme kebajikan dan pelaksanaan jaringan keselamatan sosial yang sejak sekian lama wujud di Malaysia namun tidak pernah dibangkitkan dalam usaha untuk memajukan masyarakat dari aspek jaminan sosial dan kebajikan, serta menyumbang kepada perkembangan korpus ilmu tentang konsep negara kebajikan di negara-negara membangun. Ia membawa implikasi besar

kepada dasar-dasar pembangunan kebijakan sosial termasuklah peranan negara dan pasaran (sektor swasta).

### **Peranan Negara Dalam Transformasi Pembangunan Sosial di Malaysia**

Negara memiliki peranan besar sekitar pelaksanaan DEB. Perkara ini diakui oleh beberapa sarjana seperti Sity (2003); dan Jomo (2014); yang menyatakan bahawa era DEB memperlihatkan dengan jelas bahawa wujud mekanisme campur tangan negara dalam aspek pembangunan sosial di Malaysia. Pada awal pembentukan DEB, peranan negara mula bersifat meluas dan campur tangan turut diperlihatkan dalam aspek kawalan politik dan birokrasi terhadap perancangan pembangunan dalam usaha untuk mewujudkan pertumbuhan dalam kalangan kapitalis Melayu dan golongan kelas menengah. Perkara ini dipengaruhi oleh usaha untuk memenuhi permintaan orang Melayu untuk membangunkan ekonomi, maka beberapa bentuk pentadbiran dan institusi diwujudkan bagi menguruskan bantuan kepada pembangunan ekonomi orang Melayu. Merujuk kepada konteks pembasmian kemiskinan, usaha yang diperlihatkan melalui perspektif “*outset*” meliputi pelaksanaan DEB yang dilihat jelas untuk menstrukturkan aspek kekayaan dan pemilikan harta khususnya bagi perniagaan yang dimiliki oleh kaum Melayu dalam usaha mencapai ekuiti pegangan saham 30% oleh kaum Melayu dalam sektor korporat pada tahun 1990.

Melalui kadar pendapatan negara yang bertambah iaitu melalui sektor korporat banyak didominasi oleh komuniti perniagaan kaum Melayu, maka dana untuk program pembasmian yang rata-rata didominasi oleh kaum Melayu dapat diwujudkan dan diperkukuhkan bagi memenuhi keperluan asas kelompok tersebut dan memberikan bantuan sosial bagi mereka memikirkan sesuatu untuk menjamin kelangsungan hidup kelompok ini. Campur tangan dan peranan negara bermula secara menyeluruh pada lewat tahun 1970-an iaitu pada tahap awal pelaksanaan DEB (Unit Perancang Ekonomi 2004). Walaupun DEB berakhir pada tahun 1990, namun, dasar-dasar pembangunan selepasnya seperti Dasar Pembangunan Nasional 1990 (DPN), Dasar Visi Nasional 2000-2010 (DVN) dan perangkaan semula DVN kepada Agenda Baru Nasional (NNA) memperlihatkan agenda berterusan berteraskan kepada unjuran utama yang dibentuk daripada pelaksanaan DEB walaupun ada kritikan yang mencerminkan bahawa memilih mana-mana pekerjaan yang diinginkan melalui peluang yang telah dipromosikan bukan sahaja di dalam perkhidmatan awam ataupun syarikat milik negara tetapi juga dalam sektor awam khususnya syarikat swasta yang kewujudannya adalah disebabkan oleh pengaruh kerajaan (Jomo, 1990; 2004; 2014; dan Ishak, 1999).

Perkara yang disebutkan termasuklah tentang soal penglibatan dan peranan negara dalam usaha untuk mengagih kekayaan secara lebih merata ditunjukkan selaras dengan matlamat DEB. Ini boleh dilihat melalui pelaksanaan konsep pemegang amanah dalam usaha untuk menstrukturkan semula masyarakat di Malaysia. Melalui DEB, konsep pemegang amanah menunjukkan peralihan besar iaitu ia beralih daripada bersifat kepentingan umum kepada kepentingan Bumiputera dengan kebanyakan perusahaan awam telah bertindak sebagai “agensi amanah” bagi pihak Bumiputera (Sity, 2003). Maka dengan itu, kesan daripadanya telah mewujudkan beberapa dasar pasca DEB yang menjadi akar kepada pengamalan dasar sosial di Malaysia khususnya berkaitan dengan aspek pembangunan dalam masyarakat yang berkaitan dengan pembangunan sosial yang dibahaskan pada bahagian seterusnya dalam bab ini. Antara dasar-dasar sosial utama tersebut merangkumi Dasar Kebijakan Masyarakat Negara 1990 (DKMN), Dasar Warga Emas Negara 1995 (DWEN) dan Dasar Sosial Negara 2003 (DSN).

## **Dasar Kebajikan Masyarakat Negara 1990**

Peranan negara pasca DEB masih lagi ada campur tangan negara dalam menguruskan masalah yang wujud akibat daripada perkembangan pesat perubahan sosial dalam komuniti masyarakat di Malaysia. Oleh sebab kehidupan masyarakat yang kian menjadi rumit akibat daripada impak perkembangan dan perubahan sosial yang semakin pesat telah memberikan tekanan hidup bagi individu, keluarga, kelompok dan komuniti dalam menghadapi masalah-masalah sosial yang wujud dalam persekitaran bermasyarakat khususnya di Malaysia. Tekanan ini telah menyumbang kepada kewujudan masalah sosial seperti peningkatan kadar jenayah, juvana, pelacuran, penderaan kanak-kanak dan lain-lain yang memberikan tekanan dan mengganggu kesejahteraan negara. Oleh yang demikian, pada tahun 1990, kabinet Malaysia telah mencapai kata sepakat untuk meluluskan penggubalan dasar sosial berkenaan kebajikan di peringkat nasional selaras dengan matlamat DEB bagi mewujudkan kesatuan di peringkat nasional dengan pembentukan dasar ini. Ini juga disebabkan oleh peningkatan taraf hidup yang diselarikan dengan perubahan sosial yang semakin pesat. Ini menyumbang peningkatan kadar masalah sosial berkaitan dengan kebajikan sosial yang menjadi isu penting dibahaskan di peringkat kabinet dan nasional.

Bagi mengatasi masalah ini, dasar ini digubal hasil daripada penilaian yang dilakukan terhadap kemampuan kelompok di atas (individu, keluarga dan kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat) dengan mengusahakan untuk meningkatkan tahap kemampuan kelompok ini supaya mereka mempunyai keupayaan untuk berhadapan dengan cabaran semasa baik dari segi ancaman ekonomi, politik dan sosial. Jika perkara ini tidak dibendung ia mampu memberikan ancaman dan kemudiannya mewujudkan masalah sosial yang berkemungkinan besar sukar untuk dikawal dan dipulihkan oleh pihak negara. Oleh yang demikian Dasar Kebajikan Masyarakat Negara 1990 dibentuk bertujuan untuk menggalakkan kesejahteraan rakyat serta kestabilan masyarakat menuju ke arah pewujudan keadilan sosial. Matlamat utama dasar ini adalah untuk mewujudkan masyarakat sejahtera dan teguh untuk kemajuan negara. Bersandarkan kepada matlamat ini, ia bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang bersemangat berdikari, menikmati peluang yang sama dan mengamalkan budaya ikram (Jabatan Perdana Menteri, 2003; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011).

## **Dasar Warga Emas Negara 1995**

Perlanjutan daripada pelaksanaan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara 1990, pada tahun 1995, suatu dasar sosial yang lebih menumpukan kepada spesifikasi “penuaan” dilaksanakan khusus bagi menjaga kebajikan warga tua atau warga emas. Dasar sosial tersebut dikenali sebagai Dasar Warga Emas Negara (DWEN). Penuaan merupakan fenomena yang menjadi tumpuan pada abad ke-21 dan impaknya terhadap sesebuah negara adalah bergantung kepada kesediaan negara untuk berhadapan dengannya. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2011), penuaan penduduk berlaku apabila peratusan penduduk warga emas berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15 % daripada jumlah penduduk. Oleh yang demikian, penuaan penduduk merupakan fenomena yang belum pernah dialami oleh tamadun manusia. Disebabkan itu, di peringkat dunia telah diadakan beberapa persidangan yang memberi fokus berkaitan dengan isu penuaan penduduk dunia. Hasil daripada persidangan tersebut telah membentuk beberapa buah dokumen penting yang dijadikan rujukan oleh negara Malaysia untuk merancang dan merencanakan program mengenai isu penduduk. Antara dokumen-dokumen tersebut ialah seperti Vienna International Plan of Action, 1982; Principles for Older



Persons, 1991; International Conference on Population and Development, 1994; The Copenhagen Declaration on Social Development, 1995; Agenda for Action and Social Development in the Escap Region Revisited, 1997; Macao Declaration and Plan of Action on Ageing for Asia and the Pacific, 1999; Shanghai Implementation Strategy, 1999; Millenium Development Goals, 2000; dan United Nations Guide to the National Implementation of the Madrid International Plan of Action on Ageing, 2008. (Wan Ibrahim, 2000; Doris, Nor Aini, dan Norlaila, 2010; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, 2011). Fenomena penuaan merupakan sesuatu yang tidak mampu dielakkan oleh manusia, kerana ia berkaitan dengan sistem biologi manusia yang pastinya mengalami fasa perubahan. Oleh yang demikian, negara mengambil inisiatif berdasarkan dokumen-dokumen di atas untuk melaksanakan Dasar Warga Emas Negara supaya kelompok warga emas atau warga emas ini dijamin hak mereka sebagai penduduk di Malaysia.

Dasar Warga Emas Negara yang dilaksanakan pada tahun 1995 bertujuan untuk mengoptimumkan kebajikan golongan tua. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertindak sebagai badan yang menguruskan dasar ini melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan program khas dinamakan “Golden Third Age 3A: Anggun dan Sihat” yang menyasarkan penglibatan golongan umur 40 tahun dan ke atas sebagai persediaan awal bagi menempuh usia emas agar lebih terancang dan berbentuk substantif. Program ini dirangka bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kemahiran penjagaan kesihatan dan kesejahteraan individu dalam persediaan menempuh usia emas iaitu merangkumi usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran individu mengenai pengurusan kewangan, harta dan kemahiran tertentu sebagai persediaan menempuh usia emas dan meningkatkan semangat dan penyertaan warga emas dalam aktiviti-aktiviti sukarelawan supaya terus menyumbang kepada masyarakat.

### **Dasar Sosial Negara (DSN) 2003**

Penggubalan Dasar Sosial Negara (DSN) pada tahun 2003 merupakan pelaksanaan dasar sosial yang berlandaskan kepada aspirasi wawasan 2020 yang mengetengahkan aspek pembangunan ekonomi seperti ucapan Tun Mahathir Mohamad (1991) semasa membentangkan laporan beliau berkenaan Visi Wawasan 2020:

*“...Negara Malaysia yang maju tidaklah harus merupakan sebuah masyarakat yang kemunduran ekonominya secara khusus....”*

Kenyataan ini merupakan dasar kepada pembentukan pelaksanaan DSN. Pembangunan ekonomi yang berkembang pesat dan pembangunan sosial juga tidak harus dikesampingkan. Melalui ucapan Tun Mahathir tersebut, ia dilihat mendorong kepada usaha negara memberikan penekanan kepada aspek pembangunan sosial seharusnya seiring dengan perkembangan pesat pembangunan ekonomi. Perkara ini adalah berkait rapat dengan pengamalan ekonomi kebahagiaan yang menitik beratkan perihal pembangunan sosial dan kebajikan dalam sesebuah negara selari dengan perkembangan pesat ekonomi dalam sesebuah negara. Pelaksanaan juga secara strukturalnya adalah disandarkan kepada unjuran utama elemen-elemen DEB khususnya dalam pembangunan sosial. Penekanan diberikan dalam usaha untuk membentuk kesatuan nasional yang turut meliputi kepada aspek kebajikan nasional—isu-isu berkenaan kebajikan sosial menjadi dasar kepada pelaksanaan DSN.

Oleh yang demikian, DSN dilaksanakan dan bertindak sebagai dasar payung yang merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara yang membentuk hala tuju kepada perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sosial di Malaysia. DSN dilancarkan secara rasmi pada 19 Ogos 2003 dan diletakkan pengurusan pelaksanaannya di bawah Bahagian Pengembangan dan Pembangunan (PINTAS), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluar dan Masyarakat Malaysia (Mohamad Zahir, Roziah dan Isma Addi, 2013). Matlamat DSN ialah untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dan mantap dengan setiap anggota masyarakat berpeluang untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat berdasarkan kepada ciri-ciri bersatu-padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Dari segi pernyataan dasar, DSN dilihat sebagai dasar pembangunan sosial yang berteraskan kepada nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju serta mantap.

### **Program Transformasi Kerajaan (GTP)**

Program Transformasi Kerajaan ataupun GTP merupakan program yang dibentuk pada tahun 2009 melalui cadangan Perdana Menteri Malaysia ke-6, Datuk Seri Najib Abdul Razak sebagai sebahagian daripada usaha untuk membentuk asas bagi transformasi negara ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020. Ini merupakan sebuah pelan tindakan untuk mencapai keberhasilan secara bertingkat yang pantas dan mampan. Matlamat GTP adalah untuk melakukan perubahan secara radikal khususnya berkaitan bagaimana kerajaan bekerja supaya isu-isu yang wujud baik di peringkat kerajaan dan masyarakat dapat ditangani dengan penyelesaian yang efektif. Ini dapat menggerakkan negara maju ke hadapan (PEMANDU, 2011).

Tuntasnya, GTP berpaksikan kepada dua objektif utama iaitu untuk mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab ke atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat. GTP juga bertujuan memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu dan saksama serta memiliki tahap kualiti kehidupan yang tinggi. Perkara ini selari dengan misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020—Malaysia mencapai status negara maju sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan GTP memfokuskan kepada bidang-bidang yang memerlukan perhatian besar kerajaan dan dikelompokkan di bawah tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sebelum sebuah kerangka pelaporan yang jelas dibentangkan. Bagi mencapai sasaran tersebut, pelaksanaan GTP disejajarkan dengan pelaksanaan Model Ekonomi Baru (MEB) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) sebagai usaha kerajaan untuk mentransformasikan negara Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi yang harmoni dan progresif. Oleh itu, GTP dipacu oleh dua mekanisme utama iaitu tumpuan terhadap keutamaan yang paling penting kepada rakyat melalui slogan “Rakyat Didahulukan” dan mewujudkan perubahan asas di seluruh negara demi keberhasilan besar yang pantas iaitu “Pencapaian Diutamakan”. Gabungan keduanya menghasilkan slogan yang kerap kedengaran iaitu “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Dalam konteks ini, usaha negara ke arah menyediakan tahap kualiti kehidupan yang terbaik kepada rakyat Malaysia membawa kepada tumpuan terhadap usaha untuk memastikan faedah sosioekonomi diterima oleh semua peringkat dalam masyarakat, khususnya terhadap kelompok kelas menengah dan kelas bawahan.

Melalui pelaksanaan GTP ini juga, matlamat negara adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar dan luar bandar sehingga mencapai tahap sifar. Namun begitu,

keutamaan harus diberikan kepada pembasmian kelompok fakir miskin (*hardcore poverty*) yang boleh mengancam usaha Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, persaingan sengit wujud dalam dunia global hari ini, dan ini menjadi suatu bentuk ancaman ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Dalam hal ini, rakyat menjadi tertekan kerana kenaikan kos sara hidup yang tinggi, lalu menambahkan lagi masalah ketidakmampuan mereka untuk bersaing dalam ekonomi negara. Oleh itu, penumpuan diberikan kepada beberapa bidang keberhasilan utama negara khususnya bagi mengelakkan berlakunya ketidakseimbangan dalam persaingan oleh kumpulan-kumpulan dalam masyarakat.

### **Pelaksanaan Jaringan Sosial keselamatan di Malaysia**

Jaringan keselamatan sosial merupakan terma baru yang mulai rancak dibincangkan pasca krisis kewangan 1997-1998 khususnya berkaitan dengan aspek pembangunan kebajikan sosial. Namun begitu, ia sebenarnya sudah lama wujud dalam konteks pembangunan di Malaysia iaitu sejak awal Malaysia mencapai kemerdekaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan jaringan keselamatan sosial, khususnya yang berkaitan dengan aspek tanggungjawab sosial, sudah diperlihatkan dengan pelaksanaan DEB pada tahun 1971. Peranan negara diketengahkan sebagai entiti utama dalam membentuk dan menguruskan pembangunan ekonomi dan sosial. Pelaksanaan jaringan keselamatan negara ini selaras dengan tanggungjawab negara berkaitan dengan akses yang mencukupi kepada perkhidmatan kesihatan, pendidikan, dan infrastruktur asas, manakala mekanisme sokongan pendapatan akan diperkukuh apabila subsidi dimansuhkan secara berperingkat. Ini merupakan antara inisiatif utama dalam pelaksanaan MEB.

Jaringan keselamatan sosial merupakan suatu mekanisme yang termaktub di bawah konsep kebajikan dalam usaha untuk mencapai keselamatan insan (Sity dan Zarina, 2005:197). Di Malaysia, pelaksanaan jaringan keselamatan sosial dibentuk disebabkan oleh usaha negara untuk mengurangkan kemiskinan dan mewujudkan kesejahteraan dalam masyarakat. Terma jaringan keselamatan sosial berbunyi baharu, namun pelaksanaannya sudah sekian lama wujud—dikenali sebagai perlindungan sosial ataupun jaminan sosial. Ia juga merupakan mekanisme perlindungan daripada ancaman ekonomi yang memberikan impak pembangunan sosial dalam pelbagai bentuk. Ancaman ini terbentuk dalam beberapa bentuk, contohnya krisis kewangan. Krisis kewangan yang melanda Malaysia pada tahun 1997-1998 contohnya telah memberikan impak yang besar baik dari aspek ekonomi, politik, mahupun sosial.

Oleh itu, selaras dengan tanggungjawab negara dalam memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi dan terjamin, pelaksanaan jaringan keselamatan sosial merupakan mekanisme penting yang bertindak sebagai mekanisme demi menjamin kelangsungan hidup supaya kelompok yang menerima impak daripada ancaman ekonomi tidak terputus sumber pendapatan pada saat kritikal. Maka dengan itu, jaringan keselamatan sosial ditakrifkan sebagai negara yang menyediakan jaminan hak bagi setiap individu yang hidup di negara tersebut. Walau bagaimanapun, istilah jaringan keselamatan sosial ini acap kali ditukar ganti dengan istilah-istilah seperti bantuan kebajikan, bantuan sosial, dan bantuan kecemasan walaupun dari segi prinsipnya, pelbagai bantuan yang disalurkan oleh negara selama ini adalah terkelompok dalam aspek jaringan keselamatan sosial.

Tuntasnya, walaupun MEB mengetengahkan mekanisme pasaran sebagai medium yang memandunya, namun dari segi aspek kebajikan atau perkhidmatan sosial, negara memainkan peranan utama dalam urusan pengagihan kesamarataan peluang dan keadilan dalam mencapai akses khususnya dalam aspek penerimaan faedah yang seimbang antara rakyat Malaysia. Oleh itu, merujuk juga kepada pelaksanaan RMK10 yang memberikan penekanan kepada

pemeriksaan pelaksanaan jaringan keselamatan sosial, peranan negara dilihat sebagai entiti utama yang menguruskan dan membentuk jaringan keselamatan sosial di Malaysia. Ini merangkumi skim keselamatan sosial, insurans sosial, skim simpanan, bantuan awam, pasaran buruh, program pembasmian kemiskinan, dan bantuan untuk warga emas.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah memperluaskan perspektif terhadap peranan negara dalam memainkan peranan secara aktif melalui program pembangunan ekonomi dan sosial dengan menghujahkan bahawa peranan negara mempunyai kepentingan dalam melaksanakan jaringan keselamatan sosial di Malaysia. Hujah ini dikemukakan kerana aspek peranan negara telah diberikan perhatian yang khusus oleh para sarjana bahkan ia telah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dan masyarakat sivil berkenaan kerelevanan peranannya. Peranan negara dilihat berterusan ditafsirkan sebagai entiti atau aktor utama yang wujud dalam perkembangan pembangunan di dalam sesebuah negara moden. Walau bagaimanapun, praktik hubungan negara dengan pasaran dalam mewujudkan kerjasama dilihat sebagai paradigma utama dalam mengupayakan perkembangan negara Malaysia yang dilihat berpotensi untuk menjadi sebuah negara kebajikan adalah tidak dinafikan melalui kajian ini berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan dan diperbincangkan.

Kajian ini mengemukakan aspek peranan negara dalam wacana pembangunan. Hujahan berkenaan peranan telah pun dikemukakan oleh ramai sarjana tempatan sebelum ini seperti Jomo (1986); dan Ishak Shari (1999) yang menekankan aspek peranan negara dalam ekonomi dan industrialisasi, pembangunan ekonomi dan pembentukan kelas menengah. Kemudiannya melalui Saidatulakmal (2010) yang melihat negara Malaysia sebagai rejim kebajikan, namun fokus utamanya adalah lebih kepada aspek pembangunan negara Malaysia ke arah rejim kebajikan. Bagaimanapun, kajian tersebut tidaklah mengemukakan hujahan berkenaan paradigma hubungan negara dengan pasaran dalam membentuk dan melaksanakan jaringan keselamatan sosial di Malaysia.

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelaksanaan jaringan keselamatan sosial di Malaysia. Pemilihan ini adalah atas faktor perkembangan semasa—negara mula mengetengahkan wacana tentang pelaksanaan jaringan keselamatan sosial yang efektif dan bertindak sebagai bantuan sosial kepada pihak yang memerlukan. Fokus kajian ini pula merujuk kepada pelaksanaan SLIM dan BRIM di bawah program MEB dan 1Malaysia. Sehubungan itu, terdapat juga program-program lain yang dibentuk selaras dengan matlamat MEB dalam memberikan dan memastikan faedah-faedah tersebut diterima oleh semua pihak. Kajian akan datang perlu memenuhi kelompangan kajian ini memandangkan terdapat juga program-program lain di bawah MEB yang berpotensi untuk dijadikan sebagai model jaringan keselamatan sosial di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Dixon, H. (1999). Controversy: on the use of the 'hidden economy' estimates. *Economic Journal*, 109(456), 335-337.
- Hashim, S. M. (1998). *Income inequality and poverty in Malaysia*. Rowman dan Littlefield.
- Ishak, M. M. B. (1999). *From plural society to Bangsa Malaysia: ethnicity and nationalism in the politics of nation-building in Malaysia* (Doctoral dissertation, University of Leeds).

- Jomo, K. S., dan Gomez, E. T. (2000). The Malaysian development dilemma. *Rents, rent-seeking and economic development: Theory and evidence in Asia*, 274 - 303.
- Khalid, M. A. (2014). *The colour of inequality: Ethnicity, class, income and wealth in Malaysia*. MPH Group Publishing.
- Lippit, V. D. (2005). The political economy of China's economic reform: observations on China and socialism. *Critical Asian Studies*, 37(3), 441-462.
- Mitra, S. (2005). Disability and social safety nets in developing countries.
- Ragayah, H. M. Z., Lee, H. A., dan Saaidah, A. R. (2002). Social protection in Malaysia. *Social Protection in Southeast and East Asia, Friedrich Ebert Stiftung: Singapore*, 119-169.
- Salleh, M. S. (2014). Organizational and Definitional Reconfiguration of Zakat Management. *International Journal of Education and Research*, 2(5).
- Sity, D., dan Zarina, O. (2005). Keselamatan insan dan jaringan keselamatan sosial. *Politik dan Keselamatan. Bangi: Penerbit UKM*.
- Sotharith, C. (2005). Urban Poverty and Social Safety Net in Cambodia. *Cambodian Institute for Cooperation and Peace*.
- Tambunan, T. (2005). Promoting small and medium enterprises with a clustering approach: A policy experience from Indonesia. *Journal of Small Business Management*, 43(2), 138-154.
- Vivian, J. (1994). *Social safety nets and adjustment in developing countries* (No. 1). UNRISD Occasional Paper: World Summit for Social Development.
- Xin, G., dan Xu, W. (2005). From Statism to Corporatism: Changes in the relationship between the state and professional associations in the transition to market economics in China. *Sociological Research*, 2, 155-175.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **NOOR HALIM BIN NORDIN**

Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor.  
[noorhalimnordin@yahoo.com.my](mailto:noorhalimnordin@yahoo.com.my)

### **PROF. DR. ZAID BIN AHMAD**

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
43400, UPM Serdang  
Selangor.  
[zaid\\_a@upm.edu.my](mailto:zaid_a@upm.edu.my)